



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN AHAD, 2 FEBRUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	YSD, PPIS LANCAR RUMAH SINGGAH PERTAMA DI SARAWAK		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ysd-ppis-lancar-rumah-singga-pertama-di-sarawak	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/01/sarawak-bakal-miliki-rumah-singga-untuk-remaja-hamil-bawah-umur	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/01/rumah-singga-dawn-hope-rumah-transit-remaja-hamil-bawah-umur-pertama-di-sarawak/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.theborneopost.com/2025/02/01/minister-sarawaks-first-transit-shelter-for-pregnant-teens-to-be-set-up-in-kuching/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/01/kes-kehamilan-luar-nikah-remaja-bawah-umur-di-sarawak-menurun/	TVSARAWAK.MY	
	https://suarasarawak.my/sarawak-miliki-pusat-perindungan-transit-pertama-bagi-remaja-hamil-luar-nikah/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.sarawaktribune.com/sarawak-launches-safe-haven-for-girls-in-need/	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	https://suarasarawak.my/dawn-hope-diharap-dapat-beri-impak-positif-kepada-gadis-yang-perlukan-bantuan/	SUARASARAWAK.MY	
	https://daykdaily.com/nancy-shukri-normalise-conversations-on-sexual-and-reproductive-health/	DAYAKDAILY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	'PUJUK HINGGA MEREKA SETUJU BERPINDAH' - NANCY SHUKRI		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1182674/pujuk-hingga-mereka-setuju-berpindah-nancy-shukri	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/01/jpbns-agensi-berkaitan-perlu-memastikan-mangsa-banjir-selamat-dapat-perindungan	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.theborneopost.com/2025/02/01/authorities-urged-to-intervene-if-swak-flood-victims-refuse-to-relocate/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/01/banjir-kenal-pasti-alasan-mangsa-enggan-pindah-ke-pps-berlindung-bawah-jambatan/	TVSARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1169086/more-see-shelter-sarawak-flood-evacuation-centres-watch	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	WELFARE DEPT DELIVERS 139 DRY FOOD PACKETS TO 47 FLOOD-AFFECTED FAMILIES IN SG ASSAN		POSITIF
	https://www.theborneopost.com/2025/02/01/welfare-dept-delivers-139-dry-food-packets-to-47-flood-affected-families-in-sg-assan/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/01/rm10-juta-untuk-mangsa-banjir	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/02/02/petronas-serahkan-400-pek-sumbangan-kepada-mangsa-banjir/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	DAFTAR NAMA UNTUK MUDAHKAN MANGSA BANJIR TERIMA BANTUAN - TPM FADILLAH		POSITIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/daftar-nama-untuk-mudahkan-mangsa-banjir-terima-bantuan-tpm-fadillah-506876	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	BANJIR DI SARAWAK MENUNJUKKAN TANDA SEMAKIN PULIH		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/01/banjir-di-sarawak-menunjukkan-tanda-semakin-pulih	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/02/01/flood-situation-in-sarawak-improving-says-sdmc-chairman-after-two-emergency-shelters-in-bau-close/165189	MALAYMAIL.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	OVER 37,000 PERSONNEL DEPLOYED FOR FLOOD MANAGEMENT IN SABAH AND SARAWAK		POSITIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1169149/over-37000-personnel-deployed-flood-management-sabah-and-sarawak	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	FLOOD DAMAGE DATA COLLECTION BEGINS TOMORROW, SAYS SARAWAK DEPUTY PREMIER		POSITIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1169140/flood-damage-data-collection-begins-tomorrow-says-sarawak-deputy-premier	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	LELAKI TAMPAR ISTERI DALAM VIDEO 'LIVE' DITAHAN POLIS		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1356227/lelaki-tampar-isteri-dalam-video-live-ditahan-polis	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-suami-tampar-isteri-di-kota-warisan-506896	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/710332/berita/semasa/suami-tampar-isteri-di-pusat-beli-belah-sudah-ditahan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/02/01/lelaki-tular-tampar-isteri-ditahan-pagi-tadi/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-tampar-isteri-dalam-video-live-ditahan-polis/	BULETINTV3.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/733299	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1182778/suami-tampar-isteri-di-pusat-beli-belah-sudah-ditahan	HMETRO.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/polis-tahan-suami-tampar-isteri-di-kota-warisan-FE13604155	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/jenayah_mahkamah/news.php?id=2388488	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



YSD, PPIS lancar Rumah Singgah pertama di Sarawak

Nasional - Dicipta: 01 Februari 2025 01:31 PM - Kemas kini: 01 Februari 2025 01:31 PM



FOTO RTM

KUCHING, 1 Februari– Yayasan Sime Darby (YSD) bersama Pertubuhan Pembangunan Insan Sarawak (PPIS) melancarkan Rumah Singgah pertama di Sarawak, Dawn Hope, untuk remaja yang memerlukan.

Inisiatif yang diterajui oleh YSD bersama PPIS itu dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) selama sembilan bulan.

Program tersebut menyediakan tempat perlindungan dan pemulihan yang selamat bagi ibu muda daripada golongan rentan serta bayi mereka, selain menawarkan sokongan penting seperti penjagaan kesihatan, kaunseling, dan latihan kemahiran untuk membantu mereka membina semula kehidupan.

Bercakap kepada media selepas majlis pelancaran, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, memaklumkan langkah tersebut menandakan kemajuan penting dalam usaha membantu remaja yang memerlukan, terutama dalam kalangan komuniti luar bandar dan terpinggir di Malaysia.

"Jadi, jumlah keseluruhan kes di Sarawak pada tahun 2023–2024 adalah sebanyak 841 kes. Ini menunjukkan keperluan untuk mempunyai sistem sokongan. Tiga bahagian dengan jumlah kes tertinggi ialah Miri (204 kes), Bintulu (195 kes) dan Kuching (133 kes). Namun, ini hanyalah kes yang diketahui, dan mungkin terdapat kes yang tidak dilaporkan," jelas Nancy.

Pada majlis tersebut, beliau turut menerima cek bernilai RM1.2 juta daripada Pengerusi Yayasan Sime Darby, Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, bagi tujuan pengoperasian Rumah Singgah di Kuching.

Sementara itu, Tunku Tan Sri Imran memaklumkan, pelancaran Dawn Hope mencerminkan komitmen bersama untuk membantu remaja yang terlibat dalam kehamilan bawah umur.

Pada masa yang sama, ia juga bertujuan menangani isu sosial seperti pencegahan kehamilan bawah umur dan pembuangan bayi dengan menyediakan ruang yang selamat, peluang pendidikan dan program kesedaran.

Melalui inisiatif tersebut katanya, setiap penghuni akan menerima sokongan yang diperlukan untuk kembali ke pangkuan masyarakat, termasuk penjagaan kesihatan, sokongan kesihatan mental, kaunseling, bantuan pendidikan, dan latihan vokasional.

Presiden PPIS, Manjeet Kaur Sidhu yang juga penerima Tokoh Wanita Sarawak 2023 dan Anugerah Kasih Wanita 2024 akan mengetuai peranan kritikal Dawn Hope dalam menangani isu kehamilan remaja di Sarawak.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Pujuk hingga mereka setuju berpindah' - Nancy Shukri

Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my



MANGSA banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di SJK Chung Hua Batu Kawa, Kuching. FOTO BERNAMA

Kuching: Jumlah penduduk yang berlindung di pusat pemindahan sementara (PPS) di Sarawak terus meningkat kepada 13,121 mangsa daripada 3,827 keluarga sehingga jam 12 tengah hari ini.

Daripada jumlah itu, seramai 12,914 orang daripada 3,777 keluarga adalah mangsa banjir yang menghuni 62 PPS.

Seramai 169 daripada 39 keluarga lagi adalah mangsa tanah runtuh yang kini berlindung di tiga PPS, manakala 37 daripada sembilan keluarga pula adalah mangsa kebakaran rumah panjang yang kini menghuni satu PPS.

Daripada 63 PPS yang aktif, Serian mencatat jumlah terbanyak dengan 19; Samarahan (14); Miri (10); Bintulu (9); Sibul (6) dan Mukah (1).

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pihak berkuasa kini sedang bertungkus lumus untuk memastikan semua mangsa selamat dan mendapat perlindungan sewajarnya.

Beliau mengakui ada mangsa yang enggan berpindah ke PPS dan menjadi tanggungjawab pihak berkuasa untuk memujuk mereka.

"Saya berharap pihak berkuasa terutama mereka yang berada dalam jawatankuasa bencana, supaya memastikan semua mangsa selamat.

"Jika ada yang tidak mahu berpindah ke PPS, cuba pujuk mereka," katanya ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran 'Down Hope: Transit Gadis Yang Memerlukan' di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas video sekumpulan mangsa banjir tinggal di bawah jejambat Lebuhraya Pan Borneo di Bintulu yang tular di media sosial sejak semalam.

Menurutnya, pihak berkuasa perlu mengetahui alasan mereka tidak berpindah ke PPS sebaliknya memilih untuk tinggal di bawah jejambat itu.

"Saya berharap mereka mahu berpindah ke PPS yang dijamin keselamatannya," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Welfare Dept delivers 139 dry food packets to 47 flood-affected families in Sg Assan

BY PETER BOON ON FEBRUARY 1, 2025, SATURDAY AT 10:00 PM

SARAWAK



Delivery of dry food aid to Rh Tawas Jackson in Sungai Assan.

SIBU (Feb 1): A total of 139 dry food packets were distributed to 47 families affected by floods in Sungai Assan today.

Sibu Resident Abang Mohamad Porkan Abang Budiman said the food aid, provided by the Welfare Department (JKM), was delivered to three longhouses in the area, where access roads had been cut off due to flooding.

“Distribution of dry food aid from Welfare Department (JKM) Sibu to families in Sungai Assan area, where the access roads to their homes were cut off due to flood, went about smoothly.

“Fifty-four pax of dry food were delivered to Rumah Jonathan Mibang, Rumah Jemut Ulak (46 pax) and Rumah Tawas Jackson Sibit (39 pax).

“The agencies involved were APM, JKM and the army,” he told reporters tonight.

Additionally, the Sibu Divisional Disaster Management Committee chairman, provided updates on temporary evacuation centres (PPS) in the Sibu division.

As of noon today, the PPS at MUC Hall in Kampung Bandung housed three evacuees, while the Kanowit Sports Complex sheltered 105 people.

In Selangau, SK Bukit Arip accommodated 283 evacuees, SJKC Tong Ah housed 522, Dewan Penghulu Balang Sekuau sheltered 150, and the Selangau Multi-Purpose Hall provided refuge for 101 individuals.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	37,000 ANGGOTA PELBAGAI AGENSI URUS BANJIR DI SABAH, SARAWAK		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	BERITA HARIAN AHAD
TARIKH :	2 FEB 2025	M/SURAT :	14
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Keadaan banjir di kawasan Serian, Sarawak.

(Foto Ihsan APM Sarawak)



Anggota APM Sarawak memindahkan mangsa terjejas banjir di kawasan Tubau, Bintulu.

(Foto Ihsan APM)



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof mendengar taklimat mengenai banjir ketika melawat PPS Kampung Segedup, Kuching, semalam.

(Foto BERNAMA)



Anggota APM membantu mangsa banjir di Kota Marudu, Kelantan.

(Foto Ihsan APM)

37,000 anggota pelbagai agensi urus banjir di Sabah, Sarawak

Orang ramai diminta bersedia dengan beg kecemasan, segera berpindah ke PPS apabila diarahkan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lebih 37,000 anggota daripada pelbagai agensi dikerahkan bagi membantu pengurusan banjir di Sabah dan Sarawak. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata sebanyak 526 aset digunakan, termasuk 214 aset laut/sungai, 15 aset udara dan 269 aset sokongan. Beliau juga mengulas bahawa Jabatan Pengurusan Bencana

pusat, berkata seramai 23,000 kakitangan agensi awam bertugas membantu mangsa banjir di Sarawak, manakala 14,209 orang di Sabah. Setakat jam 5 petang semalam, katanya, 12,862 daripada 3,771 keluarga masih berada di 65 pusat pemindahan sementara (PPS) seluruh Sarawak. Ahmad Zahid berkata, proses pendaftaran dan pengesahan mangsa banjir dipermudah dan disegerakan bagi mengelakkan kelewatan pembayaran Bantuan Wang Ihsan. "Saya akan meminta pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) supaya terus memantau tahap kesiapsiagaan semua agensi terbahit di semua peringkat untuk menghadapi bencana," katanya. Beliau berkata, orang ramai diingatkan bersedia dengan beg kecemasan dan segera berpindah ke PPS apabila diarahkan. "Pusat Kawalan Bencana Ne-

gara yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau dan melaporkan keadaan semasa," katanya. **Pulih daripada banjir Di Kota Kinabalu BERNAMA**

melaporkan, Kota Marudu, Kota Belud dan Telupid diisytiharkan pulih daripada banjir semalam dan semua penduduk yang terjejas di ketiga-tiga daerah itu dibenarkan pulang. Pengisytiharan itu dibuat Pe-

gawai Daerah Kota Marudu, Merin Sugara; Pegawai Daerah Kota Belud, Peter Jiton dan Pegawai Daerah Telupid, Celestine Jetony. Mereka ialah Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah masing-masing.

Bank Muamalat tawar moratorium hingga 6 bulan

Kuala Lumpur: Bank Muamalat Malaysia Berhad menawarkan bantuan khas banjir kepada pelanggan yang terjejas dengan banjir di Sabah dan Sarawak. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin dalam kenyataan semalam berkata bantuan itu merangkumi moratorium sehingga enam bulan untuk semua pembiayaan individu dan perniagaan serta pengantian kad debit dan kad kredit tanpa sebarang bayaran. Beliau berkata, pihaknya prihatin terhadap kesulitan yang dihadapi pelanggan dan berharap bantuan khas banjir berkenaan dapat memberi kelegaan kepada mereka yang terbahit. "Sebagai sebuah institusi perbankan Islam penuh yang sentiasa komited dalam mencipta 'Kehidupan Lebih Baik, Bersama' pelanggan, kami

bertanggungjawab memainkan peranan penting dalam menyokong dan membantu komuniti menempuhi waktu getir ini," katanya. Khairul berkata, pelanggan yang menghadapi kesulitan kewangan berikutan bencana berkenaan boleh memohon bantuan khas dengan memuat turun borang permohonan *Service Request Form* (SRF) di laman sesawang Bank Muamalat di www.muamalat.com.my dan menghantar dokumen sokongan berkaitan menerusi e-mel bantuanbanjir@muamalat.com.my. Beliau berkata, langkah proaktif akan diambil bagi memastikan proses dokumentasi dan kelulusan permohonan dipermudahkan. Pelanggan boleh mengunjungi cawangan Bank Muamalat terdekat atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan di talian 03-2600 5500. BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : OVER 37,000 DEPLOYED FROM AGENCIES

HARI : AHAD

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 2 FEB 2025

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

6 | NEWS / Nation

FLOODS IN SABAH AND SARAWAK

OVER 37,000 DEPLOYED FROM AGENCIES

Zahid: They will help manage relief efforts supported by logistical assets

FUAD NIZAM
KUALA LUMPUR
fuadnizam@ntv.com.my

MORE than 37,000 personnel from various agencies have been deployed to manage the flood situation in Sabah and Sarawak, said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

He said in a statement that the efforts were coordinated by the District Disaster Management Committee (JPBD) and the State Disaster Management Committee (JPBN) in the affected states.

"In Sarawak, more than 23,000 personnel from agencies such as the police, armed forces, Fire and Rescue Department, Civil Defence Force, Social Welfare Department and Health Ministry are involved in flood management.

"This is supported by logistical assets, including 526 land assets, 214 sea and river assets, 15 air assets and 269 support assets."

He added that in Sabah, 14,209 personnel had been mobilised, supported by 977 land assets, 463 water assets and 16 air assets.

Zahid, who also chairs the Central Disaster Management Committee, expressed satisfaction

with the coordination undertaken by the authorities.

"I extend my deepest gratitude to all response agency personnel in Sabah and Sarawak, who are working tirelessly to ensure that the safety, comfort and health of disaster victims remain under control," he said.

Zahid said with improving weather conditions, personnel, in collaboration with non-governmental organisations and the community, can focus on post-disaster recovery and repair efforts.

"The government has allocated

initial funding to all states and response agencies for operations during the 2024/2025 northeast monsoon. This includes ensuring temporary relief centres (PPS) are equipped with adequate basic facilities for flood victims."

He also called for the registration and verification process for victims to be simplified and expedited to prevent delays in the disbursement of Bantuan Wang Ihsan.

"I will instruct the National Disaster Management Agency, as the secretariat to JPPB, to continue monitoring the preparedness of

all agencies involved at all levels in disaster response."

He reminded the public to remain cautious.

"The public is advised to prepare an emergency bag, evacuate to designated PPS immediately when instructed, seek higher and safer ground, prevent children from playing in floodwaters, drains, mining pools, water bodies and rivers; and avoid touching electrical equipment, cables or wires."

He added that the National Disaster Control Centre would continue to monitor the situation.



An aerial view of the flooded Serian district in Sarawak yesterday. PIC COURTESY OF THE CIVIL DEFENCE FORCE'S DRONE UNIT

RM10m more for Sarawak committee

MIRI: Sarawak Premier Tan Sri Abang Johari Tun Openg has announced an additional allocation of RM10 million for the State Disaster Management Committee (JPBN) to aid in the ongoing flood relief efforts in the state.

With this allocation, he said JPBN would be able to distribute aid to all affected areas.

"There is already an allocation for JPBN, but I am adding another RM10 million so they can assist all affected areas," he said on Friday after visiting the Malaysian Red Crescent temporary relief centre, which is sheltering residents of Kampung Lereng Bukit who were displaced by a landslide three days ago.

He said the floods in Sarawak were not due to drainage issues, but the impact of climate change.

"The floods are caused by an extraordinary rainfall over the past few days, followed by continuous rain, which coincided with the high tide phenomenon."

He also said the flooding in Bintulu was the worst in 30 years and drew parallels between the floods in Sarawak and the wildfires in California, attributing both dis-

asters to climate change.

According to the National Disaster Management Agency (Nadma), Sarawak remains the hardest-hit state, with 13,302 victims from 3,906 families seeking shelter in 71 centres across 17 affected districts up to 4pm yesterday.

Bintulu recorded the highest number of evacuees at 4,811, with a slight decrease in the figure.

Other affected districts include Serian (2,597, increasing), Selangau (1,056, stable), Asajaya (860, decreasing) and Tatau (727, stable).

Areas like Siburan (623, stable), Miri (526, stable) and Subis (505, increasing) have seen a mix of increasing and stable numbers, while some districts like Sebuyau (429, increasing) and Simunjan (180, increasing) reported rises in displaced families.

Sabah, meanwhile, recorded 1,702 victims from 563 families, with 14 centres operating across

five districts. This includes Pitas (806 evacuees, stable)

Other affected districts include Lahad Datu (514, stable), Paitan (215, increasing) and Beaufort (110, stable).

Paitan and Lahad Datu have seen a rise in the number of evacuees, while other districts like Beluran and Kota Marudu have experienced minimal changes.

The Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) said a monsoon surge was expected from Tuesday to Friday, potentially bringing heavy and continuous rainfall to Sabah and Sarawak.

In a statement, it said analysis of the latest weather forecasting models indicated that the surge could lead to adverse weather conditions in the affected areas.

In response, MetMalaysia has issued a strong wind and rough sea warning for South China Sea waters, which will be in effect during the same period.



Tan Sri Abang Johari Tun Openg

Uggah: Sarawak flood damage data collection begins today

SERIAN: The collection of data on properties damaged by floods in Sarawak will begin today, Deputy Premier Datuk Amar Douglas Uggah Embas said yesterday.

He instructed residents' offices in the seven affected divisions to submit reports detailing the damage.

"This is crucial to assess the losses suffered by flood victims," he said after visiting the temporary relief centre at Ranchor Multipurpose Hall.

"We do not have an estimate of the damage, so we will start collecting data tomorrow (today)," said Uggah, who also chairs the Sarawak Disaster Management Committee.

The reports will cover damage to both public and private properties, and the state and federal governments have allocated funds to assist victims.

At the Balai Ringin temporary relief centre, Uggah said 63 relief centres had been set up across the seven divisions, accommodating 12,692 flood victims from 3,696 families up to Friday night. "We received reports that con-

ditions at the centres are improving, with victims provided food, blankets, pillows and other essentials.

"The Welfare Department also reported that two elderly flood victims fell ill and have received medical treatment."

He added that the Welfare Department would transport essential supplies to Kampung Merakai, which has been cut off by the floods.

"We are monitoring the situation to ensure food and essentials reach affected villages. If water levels continue to rise, residents will need to evacuate."

As the state Infrastructure and Port Development minister, Uggah has instructed the Public Works Department to repair 20 damaged sections of the Pan Borneo Highway between Serian and Balai Ringin.

Meanwhile, two relief centres in Bau have been closed as flood victims returned to their villages. "I am pleased to see water levels receding in most areas, and I hope there will be no further heavy rain," he said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BUAYA AKTIF MUSIM BANJIR

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 2 FEB 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



SEBUAH kereta Perodua Axia sedang mengharungi air banjir di Jalan Kong Yit Khim sepanjang kira-kira 38 kilometer yang terletak di tepi Sungai Rajang petang kelmarin. Jalan terbabit merupakan kawasan yang sering terdedah dengan banjir, juga jalan pintas ke Lebuh Raya Pan Borneo di Jambatan Durin.

Bernama

Kuching

Pasukan penyelamat tidak boleh mengabaikan keselamatan diri ketika diarahkan untuk menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir di Sarawak.

Anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Hadi Ibrahim, 44, yang juga anak jati Kampung Sejjak di sini, berkata, fenomena melihat buaya bersantai di tebing sungai perkara biasa namun kebiasaan itu bertukar menjadi detik memesankan apabila banjir melanda.

"Kalau hari biasa, buaya hanya berjemur di tepi sungai dan malas bergerak, tapi bila banjir, air naik dan mereka bebas berkeliraran. Itu buatkan keadaan jadi ngeri," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan sementara (PPS) di kampung berkenaan.

Hadi berkata sejak bertugas dalam operasi penyelamat, dia sudah lali dengan pelbagai cabaran, tetapi berdepan dengan ancaman buaya dan binatang berbisu ketika air keruh bu-



IDA Marjiana Maripan (kiri) dan jiraninya Noraidah Lamada (kanan) bersama anak masing-masing dari Kampung Sumbilingan Laut antara 300 penduduk setempat yang dipindahkan ke Pusat Penempatan Sementara (PPS) SMK Bandau akibat banjir.

kan sesuatu yang boleh diambil mudah.

"Kesilapan kecil boleh mengundang bahaya. Bagi

pasukan penyelamat, setiap operasi menyelamatkan adalah pertaruhan nyawa. Dalam keadaan air pasang

yang tidak menentu, kita bukan sahaja bertarung dengan arus deras tetapi juga pemangsa alam yang mengintai dalam diam," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Kampung Sejjak Nordini Madiak, 55, berkata beliau tidak berkompromi soal keselamatan kerana banjir bukan sekadar air naik dan berpindah ke PPS, tetapi membawa bersama ancaman tersembunyi yang boleh meragut nyawa, terutama bagi kanak-kanak yang gemar bermain air tanpa menyedari bahaya.

"Biarlah dikata garang, kalau saya nampak ada budak bermain air ketika banjir, memang saya akan pukul dan suruh mereka balik rumah.

"Biar mereka yang me-

nanangis, bukan kita (ibu bapa) yang menangis bila kehilangan mereka. Bak kata pepatah 'malang tidak berbau', jadi kita perlu sentiasa berwaspada," katanya dengan tegas.

Nordini berkata banjir di kampung itu bukan sesuatu yang asing, namun setiap tahun persediaan awal tetap menjadi keutamaan. "Beberapa hari sebelum banjir, saya sudah mengarahkan penduduk untuk bersiap sedia dengan mengemas barang peribadi yang penting.

"Dengan adanya persediaan awal, semua perancangan berjalan lancar dan teratur. Apabila banjir melanda pada Rabu lepas, kami tidak kelam-kabut dan penduduk yang terkesan telah diarahkan berpindah segera ke PPS bagi mengelakkan sebarang risiko," katanya.

Bomba kerah anggota tambahan

Kuching: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak mengerahkan anggota tambahan dari Zon Miri dan Sibru ke Bintulu bagi memperkukuhkan operasi penyelamatan mangsa banjir di kawasan yang terjejas.

Timbalan Pengarah JBPM Sarawak Tiang Ling Hii berkata, penambahan pegawai dan anggota bertujuan memastikan kerja menyelamatkan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien serta meliputi skop yang lebih luas.

"Pasukan bantuan ini telah tiba di Bintulu sejak semalam untuk membantu pasukan sedia ada dalam operasi banjir yang sedang dijalankan," katanya dalam hantaran Facebook JBPM Sarawak, kelmarin.

Tiang berkata, dengan pengukuhan pasukan penyelamat, jumlah keseluruhan anggota bertugas di kawasan banjir di Bintulu kini berjumlah 72 orang.

"Selain kekuatan anggota, pelbagai aset logistik seperti bot kecil, jentera, lori dan Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) turut digerakkan bagi memastikan operasi penyelamatan berjalan lancar. Keseluruhannya, sebanyak 23 aset logistik telah dikerahkan untuk menyokong operasi ini," katanya. - Bernama

BAH DI SABAH, SARAWAK: BAHAYA BAWAH AIR

BUAYA AKTIF MUSIM BANJIR

Mangsa banjir di Sarawak terus tambah kepada 12,486 orang

Kuala Lumpur: Banjir di Sarawak terus merekodkan peningkatan jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) manakala di Sabah jumlah mangsa tidak menunjukkan perubahan ketara, setakat 8 pagi semalam.

Di Sarawak, keadaan banjir semakin memburuk dengan mangsa banjir meningkat kepada 12,486 daripada 3,648 keluarga di 62 PPS, berbanding 11,234 orang daripada 3,187 buah

keluarga malam kelmarin.

Menurut laporan Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Sarawak, daerah Bintulu kekal mencatatkan jumlah mangsa tertinggi dengan 5,885 orang daripada 1,649 keluarga, diikuti Serian seramai 2,307 mangsa (709 keluarga), serta Samarahan dengan 2,005 mangsa (670 keluarga).

Bilangan mangsa yang agak tinggi turut dilaporkan di daerah Sibru dengan

1,163 mangsa daripada 293 keluarga, sementara di Miri pula merekodkan 650 mangsa (172 keluarga), Kuching dengan 475 mangsa (153 keluarga), manakala seorang mangsa dicatatkan di Mukah.

Di Sabah, jumlah mangsa banjir meningkat sedikit kepada 5,216 orang daripada 1,820 keluarga, berbanding 5,195 orang daripada 1,797 keluarga, malam kelmarin.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri

Sabah melaporkan 33 PPS masih kekal beroperasi di sembilan daerah.

Kota Marudu kekal mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 2,944 orang daripada 1,095 keluarga, diikuti Pitas dengan 806 mangsa (298 keluarga), Lahad Datu 514 mangsa (136 keluarga), Telupid 288 mangsa (75 keluarga), Paitan 238 mangsa (85 keluarga), dan Kota Belud 207 mangsa (67 keluarga).

Daerah lain yang terjejas

ialah Beaufort 108 mangsa (31 keluarga), Beluran 57 mangsa (20 keluarga) dan Tongod 54 mangsa (13 keluarga).

Jawatankuasa itu melaporkan trend pemindahan mangsa di daerah Pitas menunjukkan peningkatan manakala daerah-daerah lain kekal tidak berubah.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Kota Marudu Meirin Sugara yang juga Pegawai Daerah

Kota Marudu berkata bencana banjir di daerah itu dijangka pulih sepenuhnya berikutan cuaca baik semalam.

Sehubungan itu beliau berkata, penduduk dibenarkan pulang secara berperingkat dan Komander Operasi Bencana sudah diarahkan untuk menyelaraskan kekuatan anggota, aset dan logistik di PPS bagi memastikan operasi pemindahan pulang mangsa banjir ke rumah masing-masing.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 'REGISTER VICTIMS QUICKLY'

HARI : AHAD

AKHBAR : SUNDAY STAR

TARIKH : 2 FEB 2025

M/SURAT : 08

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

'Register victims quickly'

Hasten process to prevent late aid disbursement, authorities told

By ARFA YUNUS
arfa.yunus@thestar.com.my

PITALING JAYA: The registration of flood victims must be expedited to avoid late payment of Bantuan Wang Ihsan, says Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (pic).

The Deputy Prime Minister said authorities are to facilitate the registration and identification process of victims so that financial aid could be distributed to those affected as soon as possible. He also directed the National Disaster Management Agency (Nadma) to continuously monitor the preparedness of all agencies at every level to handle potential disasters.

Ahmad Zahid said authorities have deployed over 23,000 personnel in Sarawak, consisting of responders from the armed forces, the police, Fire and Rescue Department, Civil Defence Force, Social Welfare Department and Health Ministry.

The deployment includes a comprehensive logistics operation, featuring 526 land assets, 214 riverine and sea assets, 15 aerial assets and 269 support assets, he said.

Sabah has mobilised 14,209 responders, backed by 977 land assets, 463 water assets and 16 aerial assets, he added. The Deputy Prime Minister said there are 15,009 victims in temporary shelters as at press time, marking a drop from 17,637 recorded earlier in the day.

Nadma's figures indicate that 26 districts in Sarawak and Sabah were affected by floods, with 4,416 families housed in 87 temporary evacuation centres.

Ahmad Zahid, who is the central disaster management committee chairman, said three districts in Sarawak remain the hardest hit, namely Bintulu (4,928 evacuees), Serian (1,966 evacuees) and



Water woes: A family evacuating their flooded home at Kampung Hill Serian. — ZULAZHAR SHEBLEE/ The Star



"As weather conditions improve, response teams, with NGOs and local communities, should now focus on post-flood recovery and repairs while maintaining high preparedness levels in case of further rainfall and flooding."

He added that the government has allocated emergency funds to all states and response agencies to support flood operations for the



Help where it's needed: Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah

Making their way back home as waters recede and shelters close

By SANDRA SOKIAL
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Residents displaced by recent floods in three districts have begun returning home as temporary evacuation centres (PPS) close, following improved weather conditions and receding floodwaters.

All eight shelters in Kota Marudu were the first to shut at 10am on Feb 1 after assessments confirmed that water levels had fully receded and affected homes were safe for occupancy, said Kota Marudu district officer Meirin Sugara.

"Considering the favourable weather conditions and safe water levels, we declare all PPS closed, and affected residents can now return home," she said in a statement.

The Kota Marudu district disaster management committee chairman added that the Disaster Operations Commander has been directed to coordinate personnel, assets and logistics to facilitate the return of evacuees.

"I also request agencies on the ground to assess whether integrated post-disaster recovery activities are necessary," she said. Kota Marudu was the hardest-hit district, with 2,360 evacuees from 866 families seeking shelter at eight centres.

Apart from Kota Marudu, Kota Belud and Telupid have also closed their evacuation centres at about 1pm, according to the districts' officers.

Besides the three districts, continuous heavy rain earlier this week had also affected Pitas, Beaufort, Tongod and Paitan, according to the Disaster Info Portal of the Social Welfare Department.

According to a statement by the Beaufort district disaster management committee, the flood situation in Beaufort and surrounding districts is improving, with water levels gradually receding in most affected areas.

"However, several roads remain accessible only to heavy vehicles and two schools are still impacted by flooding, the committee said.

Heavy rainfall since Jan 24 caused the Padas river to swell, triggering floods across multiple villages in the Keningau Zone (Tenom, Nabawan, Keningau and Sook) and the Beaufort Zone (Beaufort and Sipitang).

As of yesterday morning, the Civil Defence Force has confirmed that water levels in several villages had receded or were showing a downward trend, the committee said.

Villages where waters have fully receded include Kg Batu 60, Kg Binunuk, Kg Baliyata, Kg Bakalau, and Kg Lago, while waters in Kg Susa remain stable.

Floods leave villagers scrambling for safety

KOTA MARUDU: The floods that hit several villages in this district following two days of continuous heavy rain since Wednesday have been described by locals as among the worst, with water levels rising swiftly.

Flood victims housed at the temporary relief centre (PPS) at SMK Bandau said they only managed to save essential items like important documents, while some could only escape with their families.

Noraidah Lamada, 33, from Kampung Sumbilingon Laut, said it was the worst flood the village had experienced in more than two decades.

"Whenever there's a prolonged downpour, this village usually floods, but never this badly.

"This time, the water surged quickly, and most of us could only think of saving our families.

"The flooding happened in the middle of the night, making it even more terrifying because of the darkness.

"We were fortunate to be res-



Safe and sound: Ida Mariana (left) and Noraidah holding their children at the temporary relief centre at SMK Bandau. — Bernama

cued by the Civil Defence Force and the Fire and Rescue Department before being safely moved to the PPS," she told Bernama.

Noraidah said the floods washed away all her household items and estimated her losses to be more than RM10,000.

As of 8am yesterday, Kota Marudu continued to record the

highest number of evacuees, with 2,944 people from 1,095 families out of a total of 5,216 victims from 1,820 families.

Another victim, Ida Mariana Marimpan, 40, said as the water level rose, she and her husband managed to rescue only their three children before being evacuated to the PPS.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir di Sarawak menunjukkan tanda semakin pulih

© Februari 1, 2025, Sabtu - 3:04pm



Uggah (dua kanan) semasa melawat mangsa banjir di PPS Dewan Rancharan hari ini. - Gambar Chimon Upon

SERIAN: Banjir di Sarawak menunjukkan tanda-tanda semakin pulih apabila paras air turun di beberapa kawasan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, malahan sehingga kini di Kuching terdapat dua Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah ditutup iaitu di Bau.

"Ada dua PPS di Bau telah ditutup. Saya sangat gembira mengetahui bahawa paras air semakin turun.

"Di Rancharan, sepanjang Lebuhraya Pan Borneo, terdapat sedikit air semalam tetapi hari ini ia telah surut dan berharap hujan berkurangan.

"Semalam adalah antara fenomena air pasang tertinggi iaitu 6.1 meter namun kita bersyukur ia tidak meningkatkan paras banjir dengan ketara," kata Timbalan Premier itu.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita semasa mengadakan lawatan mangsa banjir di PPS Dewan Rancharan dan Balai Raya Kampung Balai Ringin di sini, hari ini.



Uggah berkesempatan meninjau kaunter kakitangan perubatan yang turut mengadakan rawatan kepada mangsa banjir di Dewan Rancharan, hari ini. - Gambar Chimon Upon

Sementara itu di Bintulu kata Uggah, keadaan banjir di bahagian itu telah surut sepenuhnya dan membolehkan penduduk mula melakukan kerja pembersihan.

Katanya beliau dimaklumkan oleh Residen Bintulu, yang menunjukkan bandar Bintulu kini sudah pulih sepenuhnya.

Namun ujar beliau, di kawasan pedalaman seperti di Sebauh, banjir masih berterusan dan beberapa jalan juga terputus.

"Kini Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang berusaha memperbaiki jalan-jalan yang rosak dan runtuh.

"Di Serian, saya dimaklumkan oleh jurutera bahawa terdapat 20 lokasi telah rosak (terjejas) dan kita telah mengarahkan JKR untuk melakukan kerja pembaikan supaya keterhubungan untuk rakyat tidak terganggu," tegasnya.

Dalam pada itu beliau berkata sehingga kelmarin (Jumaat), sebanyak 63 PPS masih dibuka di tujuh bahagian di Sarawak, menampung 12,692 mangsa banjir daripada 3,696 keluarga.

Katanya laporan terkini dari lapangan mendapati semua PPS beroperasi dengan lancar dengan setiap daripadanya dilengkapi barang keperluan seperti tilam, selimut, bantal dan makanan.

Selain itu ujar beliau terdapat juga wakil dari Jabatan Kesihatan yang membantu memberi rawatan kepada mangsa yang sakit.

"Selain itu hari ini saya juga diberitahu, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menghantar bekalan makanan ke Kampung Merakai, sebuah kampung terpencil yang terjejas akibat banjir di bahagian Serian.

"Kami juga memantau kampung terpencil untuk memastikan mereka menerima bekalan makanan, kerana menaja di tanggungjawab JPBNS untuk memastikan bantuan sampai kepada mereka," katanya.

Bagaimanapun kata Uggah, jika paras air semakin meningkat para penduduk di kawasan terjejas diarahkan untuk berpindah.

"Namun setakat ini, tiada kampung baharu di bahagian ini (Serian) yang dilaporkan terjejas akibat banjir," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Flood damage data collection begins tomorrow, says Sarawak Deputy Premier

By Sulok Tawie - February 1, 2025 @ 4:14pm



Deputy Sarawak Premier Datuk Amar Douglas Uggah (Front, centre) said that the collection of data on properties damaged by floods in Sarawak will begin tomorrow (Feb 02). – BERNAMA

SERIAN: The collection of data on properties damaged by floods in Sarawak will begin tomorrow, Deputy Premier Datuk Amar Douglas Uggah said today.

He has instructed residents' offices in the seven affected divisions to submit reports detailing the damage.

"This is crucial to assess the losses suffered by flood victims," he told reporters after visiting the temporary relief centre at Ranchan Multipurpose Hall.

"At the moment, we do not have an estimate of the damage, so we will start collecting data tomorrow," said Uggah, who also chairs the Sarawak Disaster Management Committee (JPBN).

The reports will cover damage to both public and private properties, and the state and federal governments have allocated funds to assist victims.

At the Balai Ringin relief centre, Uggah said 63 temporary shelters had been set up across the seven divisions, accommodating 12,692 flood victims from 3,696 families as of last night.

"We have received reports that conditions at the centres are improving, with all victims provided food, blankets, pillows, and other essentials.

"The Welfare Department has also reported that two elderly flood victims fell ill and have received medical treatment," he said.

Uggah added that the Welfare Department would transport essential supplies to Kampung Merakai, which has been cut off by the floods.

"We are monitoring the situation to ensure food and other essentials reach affected villages, especially those where roads have been impacted. If water levels continue to rise, residents will need to evacuate to relief centres," he said.

As the state's Infrastructure and Port Development Minister, Uggah has instructed the Public Works Department (PWD) to repair 20 damaged sections of the Pan Borneo Highway between Serian and Balai Ringin.

Meanwhile, two relief centres in Bau have been closed as flood victims return to their villages.

"I am pleased to see water levels receding in most areas, and I hope there will be no further heavy rain," he said.

However, while water levels in Bintulu town have dropped, flooding upriver in Sebauh has submerged parts of the road from Bintulu to Sebauh.

"The PWD is currently carrying out repairs on the affected roads," he added.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki tampar isteri dalam video 'live' ditahan polis

Oleh Nor Azizah Mokhtar - Februari 1, 2025 @ 7:12pm
bhnews@bh.com.my



Tangkap layar video tular dipercayai berlaku di sebuah pusat beli belah di sekitar Kota Warisan, Sepang baru-baru ini.

KUALA LUMPUR: Lelaki yang menampar isterinya di pusat beli belah sekitar Kota Warisan, di sini yang mana video kejadian itu tular di media sosial, ditahan polis hari ini.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Norhizam Bahaman mengesahkan suspek ditahan jam 10 pagi tadi di hadapan sebuah klinik di Kota Warisan.

"Suspek sudah ditangkap jam 10 pagi tadi... suspek akan ditahan reman esok (Ahad)," katanya dalam satu kenyataan ringkas, hari ini.

Penahanan dilakukan untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Terdahulu, tular satu rakaman video berdurasi 29 saat memaparkan seorang wanita berjalan keluar dari pusat beli-belah sambil memegang bungkusan plastik, sebelum seorang lelaki menghampiri dan menamparnya di khalayak ramai.

Media sebelum ini melaporkan tindakan seorang lelaki menampar isterinya membawa padah selepas kejadian itu secara tidak sengaja dirakam dalam satu video 'live' di media sosial.

Norhizam dilaporkan berkata, pihaknya menerima laporan daripada adik kepada wanita yang ditampar dalam video berkenaan.

Terdahulu satu rakaman video 'live' berdurasi 29 saat tular memaparkan seorang wanita berjalan keluar dari pusat beli-belah sambil memegang plastik pada tangan kirinya.

Setibanya di pintu keluar premis, wanita itu tiba-tiba berhenti sejeurus melihat kehadiran suspek yang bertopi dan berjalan ke arahnya, sambil memegang tangan seorang kanak-kanak.

Secara tiba-tiba, lelaki berkenaan menampar wajah wanita itu di khalayak ramai sambil mengatakan sesuatu ke arah mangsa, lalu tanpa banyak soal wanita itu dilihat keluar dari premis terbabit.

Selepas kejadian itu lelaki terbabit membawa isteri dan anaknya tidur di Nilai, Negeri Sembilan sebelum menghantarnya pulang.

Suami mangsa bagaimanapun keluar semula dari rumah dan tidak pulang selepas itu dipercayai takut ditahan polis.